

## **TAHAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PENGGUNA TERHADAP PELAKSANAAN CBP: SATU TINJAUAN DI SEKITAR PELABUHAN KLANG**

**Fadilah Mat Nor**

[fadilahmn@kuis.edu.my](mailto:fadilahmn@kuis.edu.my)

**Mohd Hassan Basri Tukipan**

[myiman\\_hasan@yahoo.com](mailto:myiman_hasan@yahoo.com)

**Aza Shahnaz Azman**

[azashahnaz@kuis.edu.my](mailto:azashahnaz@kuis.edu.my)

**Fakulti Pengurusan Muamalah**

**Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor**

**Bandar Sri Putra**

**43000 Bangi**

**Selangor**

### **ABSTRAK**

Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk mengukur tahap kefahaman dan kesediaan pengguna disekitar Pelabuhan Klang terhadap pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP). Disamping itu ia juga ingin melihat perbezaan antara sector pekerjaan, jumlah pendapatan, dan jantina terhadap tahap kefahaman dan kesediaan cukai tersebut. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik dimana seramai 150 orang responden dari pelbagai latar belakang pendidikan dan pendapatan telah diambil sebagai sampel. Kaedah persampelan yang terlibat ialah kaedah persampelan rawak mudah. Hasil dari kajian mendapati tahap kefahaman pengguna terhadap CBP di Pelabuhan Klang adalah berada ditahap sederhana dan kebanyakkan pengguna masih tidak bersedia dan tidak pasti dengan pelaksanaan BSelain itu didapati tidak terdapat perbezaan hubungan diantara faktor pendapatan, pendidikan dan jantina dengan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna terhadap perlaksanaan CBP. Beberapa langkah juga telah dicadangkan bagi meningkatkan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna menjadi lebih baik dan jelas.

**Kata Kunci:** Cukai Barang dan Perkhidmatan, kefahaman, kesediaan, pengguna, pendapatan dan pendidikan

### **PENGENALAN**

Pada masa kini, Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) bukanlah satu cukai yang baru, ia sudah lama diperkenalkan dan ada yang telah menggunakan cukai CBP ini di negara mereka. Menurut kajian Hussin Abdullah, Aeffi Alghazali Mohd Idrus, Normala Mehat (2013) terdapat sejumlah 146 buah negara yang telah melaksanakan sistem cukai CBP ini yang dikenali sebagai *Value Added Tax* (VAT) antaranya di Negara China (17%), Indonesia 10%, Thailand 7%, Filipina 12% dan Singapura pada kadar 7% kepada rakyatnya.

**Jadual 1: Negara – Negara yang telah melaksanakan CBP beserta Pendapatan per Kapita dan tahun pelaksanaan**

Negara	Keserataan Kuasa Membeli Per Kapita* (USD)	Tahun pelaksanaan	Kadar terkini (%)
Singapura	49,7890	1993	7
Ireland	33,510	1973	21
Kanada	37,410	1991	5
Australia	38,210	2000	10
United Kingdom	37,230	1973	20
Perancis	33,930	1954	19.6
Jepun	33,470	1989	5
New Zealand	27,870	1986	12.5
Malaysia	13,710	???	-
Venezuela	12,220	1993	12
Kazakhstan	10,320	1992	12
Brazil	10,,200	1967	17
Afrika Selatan	10,050	1991	14
Thailand	7,640	1992	10
Sri Lanka	4,720	1998	12
Sudan	1,990	2000	15

Sumber: Panel Kajian Semula Cukai, Kementerian Kewangan

Berbanding Cukai Jualan dan Perkhimatan (SST), CBP mempunyai banyak kelebihan jika dilaksanakan, antara beberapa kelebihan CBP dilihat lebih efesien, telus, komprehensif dan mesra perniagaan berbanding cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang negara Malaysia gunakan masa kini. Kelebihan CBP ini adalah perlaksanaan CBP ini dapat meningkatkan jumlah kutipan hasil kerajaan dan membolehkan lebih banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan. Selain itu GST juga dilihat data mengurangkan kebergantungan Kerajaan dengan pendapatan dari sumber Petroleum yang semakin terhad sumbernya. (Lau Zheng Zhou, 2013).

### Penyata Masalah

Secara umumnya pemahaman rakyat Malaysiapada masa kini mengenai maklumat cukai dan peranannya kepada negara masih lagi di tahap yang rendah. Kebanyakkan masyarakat masih tidak menyedari bahawa pada masa kini mereka telah pun dikenakan cukai kepenggunaan di dalam perbelanjaan mereka dalam belanja dan perkhidmatan iaitu dalam bentuk cukai jualan yang dikenakan cukai sebanyak 10% dan cukai perkhidmatan yang dikenakan cukai sebanyak 6%. Selain itu juga, jika rakyat Malaysia masih tidak faham mengenai cukai SST (Sales and Service Tax) ini yang dikenakan kepada mereka apatah lagi cukai yang Malaysia akan laksanakan nanti seperti CBP (Cukai Barang dan Perkhidmatan) pada tahun 2015 nanti. Dengan kajian yang dibuat oleh (Hussin Abdullah, Aeffi Alghazali Mohd Idrus, Normala Mehat, 2013) di kawasan utara negeri Kedah dan Perlis menunjukkan hampir 70% responden faham tentang perancangan kerajaan untuk melaksanakan CBP, namun mereka secara keseluruhan belum lagi bersedia untuk menerima CBP pada masa sekarang. Ini menunjukkan keseluruhan rakyat

Malaysia masih tidak tahu maklumat yang sepenuhnya berkaitan dengan CBP yang akan dijalankan di negara Malaysia.

Oleh yang demikian, dilihat adalah satu keperluan untuk mengukur sejauhmana tahap kefahaman pengguna terhadap pelaksanaan CBP. Jikapun pengguna sudah memahaminya, pakah kayu ukur kepada kefahaman tersebut dan sejauhmana kefahaman tersebut dapat diterjemahkan kepada kesediaan mereka menerima pelaksanaan CBP. Persoalan ini telah membawa kepada beberapa objektif kajian iaitu:

- 1) Mengukur tahap kefahaman dan kesediaan pengguna terhadap pelaksanaan CBP.
- 2) Mengenalpasti perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan mengikut sector pekerjaan, pendapatan kasar bulanan dan Jantina.

### **Skop Kajian**

Skop kajian ini akan melibatkan 150 orang responden di semua kawasan Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan. Borang soal selidik akan digunakan sebagai instrumen kajian dan telah diedarkan kepada 150 orang responden. Responden yang terlibat terdiri daripada kesemua sektor pekerjaan yang ada antaranya sektor awam, sektor swasta dan bekerja sendiri (peniaga) dengan menggunakan persampelan rawak mudah.

### **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Sorotan kajian terdahulu mendapati isu CBP telah dikaji dan dibincangkan dari pelbagai sudut. Antaranya isu kesedaran, kefahaman, kesediaan, peratusan yang sesuai dikenakan, golongan sasaran, serta pelaksanaannya dari penilaian percukaian Islam. Walaubagaimanapun bab ini akan memfokuskan sorotan kajian lepas daripada aspek yang tertentu sahaja.

Antaranya ialah kajian oleh K.Saira, M.A.Zariyawati, L.Yoke-May (2010). Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kefahaman di kalangan rakyat Malaysia mengenai pelaksanaan CBP. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap kefahaman di kalangan rakyat Malaysia masih rendah. Faktor penyumbang kepada keputusan ini difahami berpunca daripada kekurangan pengetahuan atau maklumat mengenai CBP seterusnya mempengaruhi kesediaan mereka untuk menghadapi pelaksanaan CBP.

Penemuan ini telah disokong juga oleh kajian lain Nor Hafizah Abdul Mansor dan Azleen Ilias (2013) yang membincangkan tentang CBP sebagai pembaharuan cukai baru di Malaysia. Selain itu, penulis telah membincangkan tentang tahap kefahaman dan sejauhmana pengguna Malaysia bersedia dalam menghadai pelaksanaan CBP. Dapatkan kajian telah mendapati bahawa kefahaman dan kesediaan di kalangan Malaysia dalam mengguna pakai CBP masih rendah. Oleh itu beberapa cadangan dari aspek keberkesanan kerajaan pengurusan kewangan dan kecekapan sistem penyampaian antara cadangan yang telah ditekankan.

Merujuk kajian daripada (K.Saira, M.A.Zariyawati, L.Yoke-May, 2010). Pengkaji bercadang untuk menyiasat kefahaman di kalangan rakyat Malaysia mengenai pelaksanaan GST. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa tahap kefahaman di kalangan rakyat Malaysia masih rendah. Ini kerana mungkin disebabkan oleh kekurangan pengetahuan atau maklumat mengenai GST. Oleh itu, ini mempengaruhi keputusan mereka untuk tidak bersetuju dengan GST.

Kajian mengenai persepsi pengguna terhadap juga pernah dikaji oleh para penyelidik. Antaranya ialah kajian oleh Hanum Hassan (2013) yang mengkaji apakah tanggapan golongan pengguna yang terdiri daripada mahasiswa di UMP tentang pelaksanaan CBP di Malaysia. Hasil Kajian mendapati golongan mahasiswa mempunyai persepsi yang tidak sensitif tentang pelaksanaan CBP dan tahap kefahaman terhadapnya masih sederhana. Pengkaji turut melihat

perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan dikalangan mahasiswa mengikut tahun penggajian dan penemuannya masih tidak signifikan.

Selain mahasiswa, kajian terhadap kefahaman dan kesediaan CBP turut dijalankan keatas pengusaha kecil (LC Ehrich (2006) yang dijalan di bandar kecil di Australia. Fokus kajian walaubagaimanapun menjurus kearah cara praktikal memahami pengiraan CBP dikalangan pengusaha kecil yang lazimnya mendiami kawasan pedalaman. Hasil kajian mendapat agak sukar memberi kefahaman secara praktikal dan penjelasan yang diperlukan perlu lebih mudah tetapi jelas.

## **METODOLOGI**

Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik dimana seramai 150 orang responden dari pelbagai latar belakang pendidikan dan pendapatan telah diambil sebagai sampel. Kaedah persampelan yang terlibat ialah kaedah persampelan rawak mudah. Manakala analisis deskriptif menerusi frekuensi telah digunakan bagi menjelaskan ciri-ciri responden dan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna terhadap perancangan CBP dipihak kerajaan. Pengkaji juga menggunakan analisis varians (ANOVA) untuk melihat perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna mengikut sektor pekerjaan dan pendapatan manakala ujian t digunakan bagi melihat perbezaan mengikut jantina.

## **ANALISIS DATA**

Dapatan kajian akan dianalisis mengikut beberapa bahagian. Bahagian tersebut ialah analisis deskriptif profil responden, kefahaman responden, kesediaan responden, analisis ANOVA serta ujian-t. .

### **Analisis Deskriptif Profil Responden**

**Jadual 2: Taburan Frekuensi Responden Mengikut Faktor Demografi**

<b>Maklumat</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Jantina Responden</b>		
Lelaki	75	50.0
Perempuan	75	50.0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Umur Responden</b>		
20- 25 Tahun	36	24.0
26- 29 Tahun	35	23.3
30- 35 Tahun	31	20.7
36- 40 Tahun	16	10.7
41- 45 Tahun	12	8.0
46- 50 Tahun	18	12.0
51- 55 Tahun	2	1.3
56 Tahun dan Ke Atas	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Sektor Pekerjaan Responden</b>		
Sektor Awam	45	30.0
Sektor Swasta	65	43.0
Bekerja Sendiri	40	26.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

---

**Tahap Pendidikan Responden**

SPM dan setara	69	46.0
Sijil	33	22.0
Asasi	5	3.3
Diploma	30	20.0
Ijazah Sarjana Muda dan ke atas	11	7.3
Lain- lain	2	1.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

---

**Jumlah Pendapatan Kasar Bulanan**

**Responden**

Kurang dari RM 1000	22	14.7
RM 1001- RM 2500	58	38.7
RM 2501- RM 4000	52	34.7
RM 4001- RM 5500	13	8.7
RM 5501- RM 7000	3	2.0
RM 7001- RM 8500	1	0.7
Lebih dari RM 8501	1	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

---

**Status Perkahwinan Responden**

Berkahwin	82	54.7
Bujang	68	45.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

---

**Jadual 2** menunjukkan taburan ciri-ciri responden yang menjadi sampel untuk kajian ini. Seramai 150 sampel telah di gunakan untuk membuat kajian ini. Sampel kajian dikategorikan kepada beberapa ciri-ciri demografi iaitu seperti jantina, umur, kumpulan pekerjaan, tahap pendidikan, tahap pendapatan kasar bulanan, dan status perkahwinan. Taburan frekuensi kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua jantina lelaki dan perempuan seimbang iaitu 50.0 % daripada jumlah sampel daripada jumlah keseluruhan sampel iaitu 150 orang. Rata-rata responden yang menjawab soal selidik ini berumur diantara 20 hingga 25 tahun iaitu sebanyak 24%. Jika dilihat dari sudut taburan umur, kebanyakkan responden terdiri daripada mereka yang berumur 20an dan 30an. Manakala responden yang berumur 40an keatas hanyalah separuh daripadanya. Dari sudut sektor pekerjaan, boleh dilihat taburan respon adalah agak normal dimana mereka yang terdiri daripada pekerja sektor awam sebanyak 30%, sektor swasta 43% dan bekerja sendiri seramai 26.7%. Tahap pendidikan responden memperlihatkan kebanyakkan responden hanya memiliki SPM dan setara dengan 46% daripada keseluruhan responden. Ini diikuti oleh pemegang sijil sebanyak 22%, Diploma 20%, Ijazah 11%, asasi 5% dan lain-lain 2%.

Membincangkan tentang perculaian tidak dapat lari dari isu pendapatan pembayar cukai. Di dalam kajian ini, rata-rata responden dilihat berpendapatan agak rendah iaitu sekitar RM1001 hingga RM2500 sebanyak 38.7%. Sedangkan kurang dari 2% sahaja mereka yang berpendapatan lebih dari RM5500 telah menjawab soal selidik ini. Seterusnya sampel responden dikelaskan mengikut status perkahwinan mereka iaitu bujang dan berkahwin. Peratusan paling tinggi ialah

54.7% daripada sampel telah pun berkahwin, manakala selebihnya yang mewakili status bujang peratusannya ialah 45.3%.

### **Analisis Tahap Kefahaman Pengguna Terhadap CBP**

Daripada data didapati 68% daripada responden mengatakan mereka mengetahui mengenai CBP sebaliknya 32% lagi tidak tahu tentang pelaksanaan CBP . Sementara itu, daripada keseluruhan responden didapati 48.7% daripada responden menagatakan CBP sesuai dilaksanakan di Malaysia dan 51.3% lagi mengatakan tidak sesuai. Kebanyakkan responden mendapat maklumat mengenai CBP adalah melalui laman sesawang iaitu sebanyak 30% diikuti melalui televisyen 28.7%, akhbar 22%, radio 9.3% dan masing-masing 6.0% dan 4% melalui rakan dan lain-lain sumber.

Tahap kefahaman responden juga diuji dengan soalan peratusan yang dikenakan terhadap CBP. Kebanyakkan responden telah menjawab dengan tepat iaitu kadar CBP 6% iaitu seramai 87 orang. Selebihnya seramai 45 orang memberi jawapan yang salah disamping 18 orang lagi mengatakan tidak tahu. Didapati juga kebanyakkan responden faham bahawa hanya sebahagian barang dan perkhidmatan yang akan dikenakan CBP. Agak mengejutkan apabila masih terdapat ramai responden yang tidak tahu dan tidak pasti tentang maklumat ini iaitu sebanyak 87 orang. Hal ini juga dibuktikan dengan taburan responden yang tidak tahu dan tidak pasti jenis-jenis barang asas yang dikecualikan dari CBP juga tinggi iaitu seramai 90 orang berbanding hanya 60 orang yang mengetahui jenis barang tersebut.

### **Analisis Tahap Kesediaan Pengguna Terhadap CBP**

Analisis mengenai kesediaan pengguna terhadap pelaksanaan CBP diuji melalui beberapa soalan. Antaranya kenyataan umum mengenai kesediaan pelaksanaanya didapati 30.7 % daripada responden tidak pasti dan 23.3% tidak pasti bersedia. Manakala hanya 8.7% sahaja daripada responden mengatakan sangat bersedia dengan pelaksanaanya. Mengenai kesediaan menerima kesan kebaikan cukai CBP pula hamper separuh iaitu 42.7% daripada responden mengatakan bersedia menerima kesan kebaikan CBP. Ini diikuti oleh 38% setuju dan hanya 4% dan 8.7% sahaja yang mengatakan tidak setuju. Majoriti responden iaitu 44.7% dan 20.7% pula hanya akan bersedia sekiranya CBP yang dikenakan tidak membebangkan pengguna. Masih terdapat segelintir responden yang tidak pasti mengenai peratusan CBP membebangkan atau tidak iaitu sebanyak 25.3% diikuti yang tidak setuju 8% dan sangat tidak setuju 1.3%.

Kebanyakkan pengguna juga dilihat akan lebih bersedia sekiranya kerajaan telah membuat penerangan yang secukupnya sebelum melaksanakan CBP. Hal ini digambarkan oleh peratusan yang setuju dan sangat bersetuju sebanyak 40.7% dan 31.3%. Lebih separuh dari pengguna mengatakan kesediaan dikenakan CBP jika kerjaan dapat menghapuskan semua cukai-cukai tersembunyi seperti cukai import dengan seramai 101orang responden. Selebihnya 33 orang masih tidak pasti tentang perkara ini menunjukkan masih terdapat segelintir pengguna yang tidak endah dengan info pelaksanaan CBP.

Apabila pengguna ditanya tentang kesediaan mengubah corak perbelanjaan setelah pelaksanaan CBP, 40% daripadanya mengatakan tidak pasti akan berbuat demikian atau tidak. Hal ini mungkin disebabkan oleh tidak jelas dengan pelaksanaan CBP itu sendiri menyebabkan pengguna tidak pasti dengan tindakan tersebut. Manakala lebih 40% daripada pengguna menyatakan kesediaan mengubah crak perbelanjaan terhadap barang normal jika CBP dilaksanakan. Dari sudut perbelanjaan barang keperluan pula 40.7% pengguna masih mengatakan tidak pasti akan mengubah corak perbelanjaan terhadap barang keperluan jika CBP

dilaksanakan. Sekali lagi hal ini merupakan kayu ukur kepada kefahaman pengguna itu sendiri terhadap info pelaksanaan CBP. Keputusan yang sama juga didapati bahawa pengguna di pelabuhan Klang masih tidak pasti akan menguah corak perbelanjaan barang mewah jika CBP dilaksanakan iaitu sebanyak 44.7%. Sekali lagi hal ini harus dilihat dengan telus sejauhmana seenarnya pengguna memahami dan mempunyai pengetahuan terhadap info-infi asas menegenai pelaksanna CBP.

Pengguna juga ditanya mengenai kesediaan untuk lebih berhemah dalam perbelanjaan. Yang mana 43.3% daripadanya menyatakan persetujuan untuk berbelanja dengan lebih berhemah dan hanya 8.7% dan 2% sahaja yang mengatakan tidak akna berhemah. Kebanyakkhan responden aitu lebhi 60% akan berbelanja pada barang berpatutan sahaja sementara 24% tidak pasti akan berbuat demikian atau tidak. Tidak menghairankan segelintir pengguna yang tidak pasti, tidak setuju ini mungkin kekeurangan kefahaman dan maklumat tentang CBP yang mneyebabkan mereka tidak dapat menjawab dengan jelas mengenai soalan yang dikemukakan. Lebih kurang 40% daripada pengguna mengatakan ketidak pastian akan berbelanja selepas CBP dilaksanakan semnetara yang sememangnya bersetuju tidak akan berbelanja ialah 30.3% dan 13.3%. Manakala 12.7% dan 3.3% pengguna masih mengatakan akan berbelanja walaupu dengan pengenaan CBP.

### **Analisis Ujian ANOVA**

**Taburan Tahap Kefahaman Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP Mengikut Sektor**

Sektor Pekerjaan	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai
<b>Awam</b>	<b>45</b>	<b>1.882</b>	<b>0.37</b>
<b>Swasta</b>	<b>65</b>	<b>2.081</b>	<b>0.50</b>
<b>Bekerja Sendiri</b>	<b>40</b>	<b>2.021</b>	<b>0.45</b>
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>2.005</b>	<b>0.47</b>

**Taburan Tahap Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP Mengikut Sektor**

Sektor Pekerjaan	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai
<b>Awam</b>	<b>45</b>	<b>1.882</b>	<b>0.37</b>
<b>Swasta</b>	<b>65</b>	<b>2.081</b>	<b>0.50</b>
<b>Bekerja Sendiri</b>	<b>40</b>	<b>2.021</b>	<b>0.45</b>
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>2.005</b>	<b>0.47</b>

**Ujian ANOVA Tahap Kefahaman Dan Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP Mengikut Sektor**

	Sum of Squares	df	Min Square	F	Sig.
kefahaman	Antara Kumpulan	1.064	2	.532	2.583
	Dalam Kumpulan	30.278	147	.206	
	Jumlah	31.342	149		
kesediaan	Antara Kumpulan	.492	2	.246	.768
	Dalam Kumpulan	47.050	147	.320	
	Jumlah	47.542	149		

Analisis ujian ANOVA telah dilakukan untuk melihat perbezaan tahap kefahtaman dan kesediaan pengguna yang berkerja di sector swasta ,awam dan bekerja sendiri. Keputusan ujian ANOVA sehala diatas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara sektor pekerjaan pengguna dengan tahap kefahtaman dan kesedaran pengguna terhadap pelaksanaan CBP. Hasil analisis bagi tahap kefahtaman menunjukkan nilai  $F = 2.583$  dan  $p > 0.05$ . Manakala bagi tahap kesediaan pengguna menunjukkan  $F = 0.765$  dan  $p > 0.05$ . Bukti statistic ini membuktikan bahawa tiada bukti kukuh yang menunjukkan wujudnya perbezaan antara kedua-dua pemboleh ubah ini.

**Taburan Tahap Kefahaman Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP Mengikut Kumpulan Pendapatan Kasar**

Kumpulan Pendapatan	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai
Kurang dari RM 1000	22	2.0584	0.27764
RM 1001- RM 2500	58	2.1232	0.57670
RM 2501- RM 4000	52	1.9341	0.35612
RM 4001- RM 5500	13	1.7582	0.36133
RM 5501- RM 7000	5	1.8095	0.41239
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>2.0057</b>	<b>0.45864</b>

**Taburan Tahap Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP Mengikut Kumpulan Pendapatan Kasar**

Kumpulan Pendapatan	Bilangan	Skor Min	Sisihan Piawai
Kurang dari RM 1000	22	3.5649	0.61639
RM 1001- RM 2500	58	3.4778	0.63243
RM 2501- RM 4000	52	3.5604	0.50988
RM 4001- RM 5500	13	3.8901	0.32026
RM 5501- RM 7000	5	3.8095	0.29738
<b>Total</b>	<b>150</b>	<b>3.5638</b>	<b>0.56487</b>

**Ujian ANOVA Tahap Kefahaman Dan Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan CBP  
 Mengikut Kumpulan Pendapatan Kasar**

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
kefahaman	Antara Kumpulan	2.392	6	.399	1.969	0.074
	Dalam Kumpulan	28.950	143	.202		
	Jumlah	31.342	149			
	Antara Kumpulan	2.099	6	.350	1.101	0.365
	Dalam Kumpulan	45.443	143	.318		
	Jumlah	47.542	149			

Seterusnya analisis ujian ANOVA juga telah dilakukan untuk melihat perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan pengguna mengikut kumpulan pendapatan kasar pengguna. Keputusan ujian ANOVA sehalia diatas menunjukkan bahawa turut tidak terdapat perbezaan antara sektor pekerjaan pengguna dengan tahap kefahaman dan kesedaran pengguna terhadap pelaksanaan CBP. Hasil analisis bagi tahap kefahaman menunjukkan nilai  $F = 1.969$  dan  $p > 0.05$ . Manakala bagi tahap kesediaan pengguna menunjukkan  $F = 1.101$  dan  $p > 0.05$ . Bukti statistik ini membuktikan bahawa tiada bukti kukuh yang menunjukkan wujudnya perbezaan antara kedua-dua boleh ubah ini.

**Analisis Ujian-t**

**Perbezaan tahap kefahaman dan kesediaan mengikut jantina**

	Jantina	Bilangan n	Skor Min	Sisihan Piawai	Min Ralat Piawai
kesediaan	Lelaki	75	3.5714	0.49598	0.05727
	Perempuan	75	3.5562	0.62956	0.07270
	Lelaki	75	1.9619	0.42100	0.04861
	Perempuan	75	2.0495	0.49235	0.05685

**Ujian Kumpulan Tidak Bersandar**

	Ujian Levene untuk Persamaan varians		Ujian t untuk Persamaan Min					
	F	Sig.	t	df	Sig. (2-sisi)	Perbezaan min	95% Confidence Interval of the Difference	
kesediaaan	Equal variances assumed	2.036	0.156	0.165	148	0.869	0.01524	-0.16764 0.19812

	Equal variances not assumed			0.165	140.3	0.869	0.01524	-0.16773	0.19820
kefahaman	Equal variances assumed	0.590	0.444	-1.171	148	0.243	-0.08762	-0.23544	0.06020
	Equal variances not assumed			-1.171	144.5	0.243	-0.08762	-0.23547	0.06023

Berdasarkan Jadual 1 didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kualiti peribadi pengetua cemerlang ( $t=0.165$ ;  $p>0.05$ ). Hal ini menerangkan bahawa tahap kefahaman tentang pelaksanaan CBP pengguna lelaki ( $\text{min}=1.9619$ ) adalah sama dengan tahap kefahaman pengguna perempuan ( $\text{min}=2.0495$ ). Melalui ujian t untuk melihat perbezaan tahap kesediaan pelaksanaan CBP antara jantina juga dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $t= -1.171$ ;  $p>0.05$ ). Bermakna tahap kesediaan terhadap pelaksanaan CBP pengguna lelaki ( $\text{min}= 3.5714$ ) sama dengan tahap kesediaan pengguna perempuan ( $\text{min}=3.5562$ )

## KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa responden di kawasan Pelabuhan Klang mempunyai kefahaman yang masih sederhana mengenai pelaksanaan CBP di Malaysia, akan tetapi responden di kawasan tersebut masih belum dan tidak pasti bersedia untuk menerima pelaksanaan sistem tersebut di negara Malaysia. Mengikut sistem kesediaan membayar cukai mengikut pendapatan kasar bulanan pula menunjukkan bahawa hasil kajian daripada responden adalah sangat negatif oleh kerana responden dari Pelabuhan Klang tidak pasti dan tidak setuju untuk membayar cukai CBP yang akan dilaksanakan di negara Malaysia kelak. Manakala, dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa tiada perbezaan skor min yang signifikan antara tahap kefahaman dan kesediaan pengguna terhadap CBP mengikut sector pekerjaan, jumlah pendapatan kasar dan jantina responden. Ini bermaksud, kesemua dimensi tidak mempunyai kaitan dengan tahap kefahaman dan kesediaan responden yang dikaji di kawasan Pelabuhan Klang.

## RUJUKAN

Dr. Lydia Shalani Thiagarajah. (2013) Pengenalan terhadap Cukai Barang Dan Perkhidmatan di Malaysia. Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd, Kuala Lumpur.

Hanum Hassan, Ph.D .Persepsi Mahasiswa Terhadap Pelaksanaan Gst Di Malaysia: Kajian Ke Atas Mahasiswa Universiti Malaysia Perlis .Universiti Malaysia Perlis. Jejawi Kangar Perlis.2013

Hussin Abdullah, Aeefi Alghazali Mohd Idrus dan Normala Mehat. (2013) Kefahaman dan Kesediaan Pengguna Terhadap Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST): Satu Tinjauan Awal. Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.

LC Ehrich, (2006) How Australian Small Business Operators Learned about the Goods and Services Tax. [www98.griffith.edu.au/dspace/bitstream/10072/13744/1/39827.pdfvv](http://www98.griffith.edu.au/dspace/bitstream/10072/13744/1/39827.pdfvv)

Mohd Rizal Palil , Nor Hazila Mohd Zain And Nor Hasikin Mamat Consumer Readiness, Perceptions And Acceptance Of Goods And Services Tax (Gst): Middle And Lower Income Earners Perspective, 2013, *Proceeding - Kuala Lumpur International Business, Economics And Law Conference Vol. 1. December 2 - 3, 2013. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.*

Nor Hafizah Abdul Mansor And Azleen Ilias, Goods And Services Tax (Gst): A New Tax Reform In Malaysia, 2013, International Journal Of Economics Business And Management Studies – Ijebms, Issn: 2226-4809; Eissn: 2304- 6945, Vol. 2, No.1 (January, 2013) 12-19

Donald R. Cooper, Pamela S.Schindler. (2008) Business Research Method. Third Edition. Kastam Diraja Malaysia. (2014) Panduan CBP Untuk Depot Pelepasan Pedalaman. [http://gst.customs.gov.my/ms/rq/SiteAssets/specifc\\_guides\\_pdf/Revised/BM%20ICD%2017.11.13\(2bu\).pdf](http://gst.customs.gov.my/ms/rq/SiteAssets/specifc_guides_pdf/Revised/BM%20ICD%2017.11.13(2bu).pdf).

Lau Zheng Zhou, Jarren Tam, Jordan Heng-Contaxis. (2013) Pengenalan Kepada Cukai Barang Dan Perkhidmatan Di Malaysia: Analisis Polici.

Mohd. Majid Konting (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Royal Malaysian Customs Department, ‘Countries Implementing GST or VAT’: [http://gst.customs.gov.my/en/gst/Pages/gst\\_ci.aspx](http://gst.customs.gov.my/en/gst/Pages/gst_ci.aspx)

## LAMPIRAN

**Jadual 3: Tahap Kefahaman Responden Terhadap CBP**

Penyataan	Kekerapan	Peratusan (%)
<b>Adakah anda tahu mengenai CBP?</b>		
Ya	102	68.0
Tidak	48	32.0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Adakah anda rasa CBP sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia?</b>		
Ya	73	48.7
Tidak	77	51.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Bagaimana anda tahu mengenai CBP?</b>		
Melalui laman sesawang	45	30.0
Melalui pembaca surat khabar	33	22.0
Melalui televisyen	43	28.7
Melalui radio	14	9.3
Melalui cerita kawan- kawan	9	6.0

<b>Lain- Lain Jumlah</b>	6 <b>150</b>	4.0 <b>100.0</b>
<b>Adakah anda tahu berapa kadar CBP yang ditetapkan oleh kerajaan?</b>		
4 %	11	7.3
5 %	23	15.3
6 %	87	58.0
Lain- lain	11	7.3
Tidak tahu	18	12.0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Adakah anda tahu CBP hanya dikenakan sesama anda berbelanja sahaja?</b>		
Ya	71	47.3
Tidak	36	24.0
Tidak tahu	43	28.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Adakah semua barang dan perkhidmatan dikenakan cukai CBP?</b>		
Ya	46	30.7
Tidak	63	42.0
Tidak pasti	41	27.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Adakah anda tahu terdapat pengecualian cukai CBP terhadap makanan asas seperti (beras, gula, minyak, dan lain-lain) dan perkhidmatan asas seperti (kesihatan, pendidikan, pengangkutan awam, dan lain-lain)?</b>		
Ya	60	40.0
Tidak	39	26.0
Tidak pasti	51	34.0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>

**Jadual 3: Taburan Tahap Kesediaan Pengguna Terhadap pelaksanaan CBP**

<b>Saya bersedia membayar cukai CBP sekiranya CBP dilaksanakan di Malaysia.</b>		
Sangat tidak setuju	24	16.0
Tidak setuju	35	23.3
Tidak pasti	46	30.7
Setuju	32	21.3
Sangat setuju	13	8.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya bersedia menerima kesan kebaikan cukai CBP.</b>		
Sangat tidak setuju	6	4.0

Tidak setuju	13	8.7
Tidak pasti	57	38.0
Setuju	64	42.7
Sangat setuju	10	6.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya bersedia sekiranya peratusan cukai CBP yang dikenakan tidak membebankan pengguna.</b>		
Sangat tidak setuju	2	1.3
Tidak setuju	12	8.0
Tidak pasti	38	25.3
Setuju	67	44.7
Sangat setuju	31	20.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya bersedia sekiranya kerajaan membuat penerangan yang secukupnya sebelum melaksanakan CBP.</b>		
Sangat tidak setuju	2	1.3
Tidak setuju	13	8.7
Tidak pasti	27	18.0
Setuju	61	40.7
Sangat setuju	47	31.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya bersedia menerima pelaksanaan CBP sekiranya kerejaan dapat hapuskan semua cukai-cukai tersembunyi seperti cukai import.</b>		
Sangat tidak setuju	4	2.7
Tidak setuju	2	1.3
Tidak pasti	33	22.0
Setuju	56	37.3
Sangat setuju	55	36.7
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang normal seperti rumah, kereta, perabot dan pakaian walaupun CBP di laksanakan.</b>		
Sangat tidak setuju	2	1.3
Tidak setuju	13	8.7
Tidak pasti	60	40.0
Setuju	55	36.7
Sangat setuju	20	13.3
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>
<b>Saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang keperluan asas seperti gula, beras, dan sayuran walaupun CBP di laksanakan.</b>		
Sangat tidak setuju	5	3.3
Tidak setuju	13	8.7

Tidak pasti Setuju Sangat setuju <b>Jumlah</b>	61 52 19 <b>150</b>	40.7 34.7 12.7 <b>100.0</b>
<b>Saya tidak akan mengubah cara perbelanjaan saya terhadap barang mewah seperti barang yang berjenama (branded) walaupun CBP dilaksanakan.</b>		
Sangat tidak setuju Tidak setuju Tidak pasti Setuju Sangat setuju <b>Jumlah</b>	5 21 67 44 13 <b>150</b>	3.3 14.0 44.7 29.3 8.7 <b>100.0</b>
<b>Saya akan berhemah di dalam berbelanja.</b>		
Sangat tidak setuju Tidak setuju Tidak pasti Setuju Sangat setuju <b>Jumlah</b>	3 13 28 65 41 <b>150</b>	2.0 8.7 18.7 43.3 27.3 <b>100</b>
<b>Saya hanya berbelanja ke atas barang yang mempunyai harga yang berpatutan sahaja.</b>		
Sangat tidak setuju Tidak setuju Tidak pasti Setuju Sangat setuju <b>Jumlah</b>	3 12 36 59 40 <b>150</b>	2.0 8.0 24.0 39.3 26.7 <b>100.0</b>
<b>Saya tidak akan berbelanja banyak selepas CBP dilaksanakan.</b>		
Sangat tidak setuju Tidak setuju Tidak pasti Setuju Sangat setuju <b>Jumlah</b>	5 19 60 46 20 <b>150</b>	3.3 12.7 40.0 30.7 13.3 <b>100.0</b>
<b>Saya akan lebih terbeban dengan harga barang yang mahal apabila CBP dilaksanakan.</b>		
Sangat tidak setuju	3	2.0

Tidak setuju	8	5.3
Tidak pasti	24	16.0
Setuju	58	38.7
Sangat setuju	57	38.0
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100.0</b>